

A serene landscape featuring a calm river in the foreground, with several trees and their reflections on the water. In the background, there are rolling hills or mountains under a soft, hazy sky. The overall atmosphere is peaceful and natural.

Laman Tafaqquh

Etika Pemakaian
Dalam Islam

Firman Allah SWT

“ Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya. ”

Surah an-Nur :31

Pengajaran Ayat

- Allah telah secara jelas menggariskan etika berpakaian secara terperinci bagi hamba-hambanya. Pakaian adalah keperluan asas manusia yang secara tidak langsung mencerminkan keperibadian Islam seseorang.
- Dalam Islam, etika berpakaian sangat berkait rapat dengan aurat. Dari segi bahasa, aurat itu berasal dari perkataan arab yang bererti aib atau sesuatu yang memalukan. Menurut istilah Syara' pula, aurat adalah bahagian tubuh manusia yang wajib ditutup dan dilindungi daripada pandangan orang lain. Etika atau kriteria berpakaian haruslah menepati kehendak hukum syarak iaitu dengan menutup aurat.
- Menutup aurat adalah wajib ke atas setiap muslim, tidak kira lelaki atau perempuan. Kewajipan ini berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-quran dan hadis yang sah. Apa yang penting pakaian tersebut haruslah menutup aurat, tidak jarang dan tidak terlalu ketat sehingga menampakkan susuk tubuh, lantas mengundang kemaksiatan yang lain.
- Bukan menjadi satu alasan untuk menolak etika berpakaian dalam Islam atas sebab ia tidak selari dengan perkembangan pemakaian semasa. Etika berpakaian di dalam Islam mempunyai hikmah tersendiri yang dapat melindungi si pemakai. Ia juga boleh disesuaikan dengan konteks semasa agar ia selari dengan tuntutan profesionalisme dalam pekerjaan.
- Islam sendiri menggalakkan umatnya agar mengamalkan kebersihan dan kekemasan. Di samping itu, Allah turut mengingatkan di hujung ayat bahawa sekiranya kita ingin berjaya kita haruslah bertaubat atas kesalahan dan dosa-dosa yang dilakukan, terutamanya dari segi pemakaian kita yang mungkin tidak selari dengan apa yang telah digariskan.